



## TEKS UCAPAN

YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR

MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN

MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN MEI KPKT

16 MEI 2017 (SELASA)

DEWAN KRISTAL, KPKT

Assalamualaikum Warahmatullahibarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini di Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi bulan **Mei 2017**. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung tahniah kepada SWCorp yang menjadi penganjur perhimpunan pada pagi ini yang bertemakan ***Awareness***.

2. Sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada kementerian ini yang telah melafaz Ikrar Bebas Rasuah di mana difahamkan kementerian ini merupakan kementerian ke-11 yang melaksanakan ikrar tersebut dan tahniah juga kepada SWCorp yang berjaya menjalinkan usaha sama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

## **Ikrar Bebas Rasuah (IBR)**

3. Inisiatif Ikrar Bebas Rasuah merupakan satu langkah yang patut dipuji kerana ia mampu meningkatkan rasa tanggungjawab pemimpin dan warganya dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada melakukan perlakuan rasuah selama mana mereka menjawat jawatan yang disandang sekarang. Ia juga dapat memberi mesej kepada masyarakat bahawa kementerian ini berjanji menjalankan tugas dengan amanah dan

tidak prejudis ke atas mana-mana warganya yang terlibat dalam perbuatan rasuah.

### **Integriti Penjawat Awam**

4. Namun semuanya perlu bermula daripada pembudayaan integriti dalam penjawat awam terutama KPKT kerana ia merupakan batu asas dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat. Justeru, elemen-elemen amalan positif berteraskan nilai murni yang dikenalpasti dalam Pelan Integriti Nasional (PIN)

seperti **JUJUR, IKHLAS, BIJAKSANA, ADIL, TELUS** dan **SYUKUR** perlu dihayati dan sentiasa diamalkan oleh semua pihak. Hal ini adalah sangat penting kerana apabila kita mempunyai kesedaran, percaya serta menjadikan integriti sebagai amalan harian, maka akan wujudlah satu persekitaran kondusif ke arah pembudayaan nilai integriti dalam organisasi kita.

## **Memorandum Persefahaman SWCorp dan SPRM**

Para hadirin sekalian

5. Bagi menzahirkan komitmen terhadap Ikrar Bebas Rasuah tersebut, kementerian ini melalui SWCorp pada pagi ini turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara SWCorp dan SPRM. Hubungan dua hala yang terjalin ini diharap mampu memberi impak positif dalam beberapa aspek seperti khidmat nasihat dan rundingan dengan meneliti amalan, sistem serta dapat mewujudkan kerjasama berterusan dalam penyebaran

maklumat mengenai permasalahan yang timbul di lapangan serta melaksanakan perkongsian dan penyebaran maklumat tentang budaya kebersihan kepada semua pegawai kedua-dua agensi.

6. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama SPRM dalam menjayakan intipati perhimpunan bulanan KPKT pada pagi ini dan secara tidak langsung telah menyahut seruan kerajaan agar kerjasama dua agensi kerajaan melalui Strategi



Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dapat dilaksanakan bagi memantapkan lagi perkhidmatan sektor kerajaan.

## **Pengenalan SWCorp**

Para hadirin sekalian

7. Pada September 1995, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Pengurusan Sisa Pepejal seluruh Negara yang di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diswastakan. Justeru, Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan

Pembersihan Awam (SWCorp) atau akronimnya sebelum ini PPSPPA pada 1 Jun 2008 di bawah Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 673) yang menggunakan pakai punca kuasa Akta 672 iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. SWCorp merupakan sebuah agensi di bawah kementerian ini yang berperanan untuk meningkatkan kualiti persekitaran yang bersih dan sejahtera menjelang tahun 2020. Kerajaan amat menitik beratkan aspek pengurusan sisa pepejal ini dan ia terbukti

apabila sebanyak RM1,884.13 billion telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut pada tahun 2016. Dengan peruntukan yang diberikan, antara tanggungjawab yang digalas oleh SWCorp adalah seperti mengawal selia perkhidmatan konsesi, memproses dan mengesyorkan permohonan lesen pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam untuk kelulusan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), melaksanakan perancangan dan strategi pengurusan sisa pepejal dan

pembersihan awam yang diputuskan oleh kerajaan serta lain-lain lagi.

8. SWCorp mengawal selia tiga (3) buah syarikat konsesi yang melibatkan tujuh (7) buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Perlis, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Manakala bagi negeri Kelantan, Terengganu dan Perak, SWCorp menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran masyarakat seperti program 3R.

## **Inisiatif SWCorp**

9. Sejak penubuhan SWCorp, pelbagai inisiatif dan usaha yang telah dijalankan bagi mensejahterakan rakyat dalam aspek pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Pemantauan terhadap perkhidmatan konsesi menjadi tunjang kepada kualiti perkhidmatan yang diberikan. Namun kesedaran masyarakat terhadap penjagaan kebersihan merupakan asas kepada menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara yang bersih, indah dan sejahtera.

10. Antara aspek yang diambil berat dalam perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat ialah pembasmian lokasi sampah haram yang sering berlaku di negeri selian SWCorp. Tahun lalu, sebanyak 68 lokasi sampah haram telah dikenalpasti namun semuanya telah dapat diselesaikan. Terbaharu, dua (2) kes telah disabit kesalahan oleh mahkamah seksyen dan didenda sebanyak RM12,000.00 setiap kes akibat aktiviti sampah haram yang telah dilakukan di Negeri Sembilan iaitu di Lavender Height, Senawang dan Taman Rasah Jaya. Tindakan pantas penguatkuasa yang

membuat pemantauan setiap hari merupakan perkara asas dalam mengenalpasti masalah yang berlaku dilapangan. Namun ia juga perlu penglibatan masyarakat dalam melaporkan masalah yang berlaku agar tindakan dapat diambil dan kesejahteraan rakyat diutamakan.

## **Pengasingan Sisa Pepejal di Punca**

11. Seterusnya SWCorp mengorak langkah melancarkan program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca pada 1 September 2015 sebagai inisiatif mengurangkan penjumlahan sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan sampah bagi memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada. Inisiatif ini juga dibuat bagi meningkatkan kadar kitar semula Negara yang masih rendah berbanding negara-negara lain iaitu sebanyak 17.49% pada tahun



2015 dan kita mensasarkan sebanyak 22% kadar kitar semula Negara pada tahun 2020.

12. Bagi memastikan tahap keberkesanan pelaksanaannya, penguatkuasaan terhadap inisiatif ini telah dibuat bermula 1 Jun 2016. Setiap isi rumah yang didapati gagal untuk melaksanakan pengasingan tersebut, notis pemberitahuan kesalahan akan dikeluarkan yang mana ia melibatkan tindakan perundangan dengan mengkompaun atau pendakwaan kepada penghuni premis

tersebut sehingga RM500.00. Ironinya sehingga 30 April 2017, masih terdapat segelintir masyarakat yang gagal melaksanakan pengasingan apabila dibuktikan oleh sebanyak 159 notis telah dikeluarkan sejak penguatkuasaannya.

13. Kempen-kempen telah dijalankan melalui pelbagai saluran media agar masyarakat tahu tentang pelaksanaan tersebut yang melibatkan peruntukan sebanyak RM5.3 juta secara keseluruhannya. Antara kempen yang telah dijalankan ialah

pengiklanan di saluran televisyen dan radio Media Prima, Astro, surat khabar Utusan Malaysia, *billboard*, *wrapping* bas Nadi Putra dan LRT. Kempen kesedaran melalui pameran, ceramah dan gotong royong turut diadakan di tadika, sekolah, jabatan kerajaan, industri, komuniti dan komersial. Tidak lupa juga, SWCorp turut terlibat dengan program kemasyarakatan dan bersama-sama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Pertubuhan Warisan Alam Sekitar, 1M4U, Pertubuhan Generasi Anak Muda Malaysia

(GEMA) dan Biji-biji yang secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan antara SWCorp dan masyarakat setempat.

14. Sebagai tambahan, saya ingin memaklumkan bahawa Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau akan diadakan pada 25 Mei 2017, bertempat di Universiti Putra Malaysia dan akan dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara. Antara program yang akan dijalankan ialah Forum Kelestarian Kampus Hijau, MoU bersama IPT, pelancaran

Sistem Aplikasi *My Mobile* Negaraku Bersih dan lain-lain lagi. Saya berharap agar warga kerja kementerian ini dan tetamu yang mempunyai kelapangan dapat hadir bersama-sama bagi memeriahkan lagi konvensyen tersebut.

## **MODUL 3R**

Para hadirin sekalian

15. Pepatah ada mengatakan bahawa melentur buluh biarlah dari rebungunya. Justeru, bagi mendokong segala usaha yang telah dilaksanakan, penerapan budaya menjaga kebersihan perlu diterapkan diperingkat yang lebih awal lagi. Beberapa anisiatif telah dijalankan seperti dalam konteks pembelajaran hijau (green learning), SWCorp telah berjaya dalam Pelaksanaan Modul Latihan Kelab Kitar Semula bagi Sekolah Rendah dan Sekolah

Menengah untuk digunapakai oleh pihak sekolah yang menubuhkan Kelab Kitar Semula. Modul tersebut merangkumi pelbagai aktiviti untuk para pelajar mengaplikasikan konsep 3R di dalam sesi kokurikulum di luar waktu pembelajaran. Sehingga kini, sebanyak 4,532 buah sekolah telah menubuhkan atau menggunakan Modul Latihan Kelab Kitar Semula dalam aktiviti kokurikulum.

16. Selaras dengan itu, pelaksanaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan 3R Merentas Kurikulum Prasekolah juga telah diperkenalkan. Ia merupakan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran yang komprehensif dan diterbitkan sesuai dengan pendekatan bagi kanak-kanak prasekolah dan tabika. Pelaksanaan modul ini dijadualkan untuk dilaksanakan secara menyeluruh di semua prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia; Tabika KEMAS di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; serta Tabika



Perpaduan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bermula Januari 2018.

## **Jalinan Kerjasama Strategik**

### **MoU Antara SWCorp Dengan MARDI**

17. Segala usaha yang telah dilaksanakan perlu diperluas dengan menjalin kerjasama dengan pihak lain agar perkongsian kepakaran dapat dibuat dan perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat akan lebih berkualiti. Justeru SWCorp telah

memperluas jalinan kerjasama dengan mementerai MoU bersama pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pada 5 April lalu bagi menangani masalah pembaziran makanan di negara ini. Program yang dinamakan MYSavefood itu telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri. Dr. Ali Hamsa bertempat di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Menerusi perjanjian tersebut kedua-dua pihak akan meningkatkan jalinan kerjasama dan bergabung tenaga serta kepakaran dalam menangani isu pembaziran makanan di negara ini bagi mencari

formula terbaik. Ia turut melibatkan program-program berkaitan sisa makanan, kerjasama dalam KIK Hibrid mengenai sisa makanan serta penglibatan SWCorp di dalam pameran MAHA.

## **Kesimpulan**

18. Sebagai kesimpulan, saya berharap agar Ikrar Bebas Rasuah dan MoU yang telah dibuat bersama SPRM mampu menjadikan KPKT dan semua agensi di bawahnya bebas rasuah sepenuhnya. Rasuah merupakan satu parasit yang mampu merebak dan

merosakkan sifat positif dan kualiti kerja yang dilaksanakan sebelum ini. Walaupun ia bermula dengan hanya sekecil perbuatan namun ia mampu menjana impak negatif yang besar. Amanah sebagai penjawat awam perlu dijaga agar kepercayaan rakyat kepada kita tidak akan diragui. Kita perlu bergerak bersama-sama agar perkhidmatan yang ditawarkan kepada masyarakat dapat dijalankan dengan penuh amanah dan menjadi contoh kepada kementerian lain dan golongan belia bagi mendokong aspirasi negara untuk membentuk masa depan

Malaysia di antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi selaras dengan harapan Transformasi Nasional iaitu TN50.

## **Penutup**

Para hadirin sekalian

19. Sebelum mengakhiri ucapan, sempena kehadiran bulan Ramadhan al-Mubarakh yang akan tiba tidak lama lagi, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan selamat berpuasa kepada

semua warga kerja KPKT dan tetamu yang beragama Islam. Saya juga menyeru agar bersederhanalah dalam berbelanja di bulan yang mulia ini supaya tidak berlaku pembaziran terutamanya makanan yang sering menjadi isu saban tahun. Semoga kedatangan Ramadhan pada tahun ini mampu membimbing kita untuk menjadi insan yang lebih baik daripada sebelumnya.

20. Kesenambungan daripada itu, suka saya lafazkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihak Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) KPKT yang telah berganding bahu melaksanakan program Ihya Ramadhan bersama Rumah Anak Yatim Banting iaitu program Hibah Buku dan pelancaran tabung sumbangan agar dapat memenuhi keperluan rumah anak yatim berkenaan yang memerlukan sebanyak 50 buah tilam, 100 biji bantal dan lain-lain lagi. Saya berharap para hadirin sekalian dapat menggunakan peluang yang

ada ini untuk membantu mereka yang memerlukan agar rezeki yang diperolehi dapat dimanfaatkan bagi mendapat lebih keberkatan bersesuaian dengan galakan bersedekah yang dianjurkan oleh Islam terutamanya di bulan Ramadhan yang bakal tiba nanti.



21. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada SWCorp yang telah menjadi penganjur perhimpunan bulanan KPKT bagi bulan Mei termasuk semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Semoga kita menjadi warga KPKT yang lebih cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat tanpa terlibat dalam sebarang perbuatan tidak berintegriti dan rasuah.

Dengan itu saya akhiri dengan lafaz wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.